



SEKTOR PENDIDIKAN ISLAM JABATAN PENDIDIKAN KELANTAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019

1223/1

PENDIDIKAN ISLAM

TINGKATAN 5

Kertas 1

Ogos

2 jam

Dua Jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
2. **Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan.
3. **Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan; **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana satu soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**.
Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian jawapan yang disediakan.
4. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruangan yang disediakan di helaian kertas jawapan Bahagian A.
5. Ceraikan kertas jawapan Bahagian A daripada kertas soalan. Ikat jawapan bersama-sama helaian kertas jawapan Bahagian B dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Hitamkan jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

- 1 Antara yang berikut manakah contoh kufur hakikat
- A Mengakui nabi Isa anak tuhan
 - B Tidak mengakui balasan di akhirat.
 - C Menggunakan nikmat ke jalan maksiat
 - D Mempercayai azimat boleh menahan sesuatu bahaya.
- 2 Semua yang berikut ialah akibat minum arak dan menagih dadah terhadap individu **kecuali**
- A Tidak tenteram kerana berlaku permusuhan
 - B Membazir harta, masa dan tenaga
 - C Menjatuhkan maruah diri
 - D Lalai daripada mengingati Allah

- Menghalalkan beberapa kemungkaran seperti minum arak
- Beriktikad bahawa Saidina Ali dan Imam mereka sebagai tuhan

- 3 Pernyataan di atas merujuk kepada pegangan
- A Syiah Imamiyah
 - B Syiah Zaidiyah
 - C Syiah Batiniah
 - D Khawarij
- 4 Pilih pernyataan yang **benar** mengenai khurafat.
- A Menolak hukum Allah
 - B Menyekutukan Allah dengan sesuatu
 - C Berpura-pura beriman kepada Allah
 - D Mempercayai perkara-perkara karut

- Tidak mentaati perintah Allah SWT dan Rasulullah SAW.
- Melakukan dosa besar dan berterusan melakukan dosa kecil.

- 5 Pernyataan di atas merujuk kepada ciri orang yang _____.
- A Fasik
 - B Murtad
 - C Mulhid
 - D Munafik
- 6 Kebaikan mengerjakan haji secara Ifrad ialah
- A haji dan umrah ditunaikan secara berasingan
 - B memberi kesenangan kepada jemaah
 - C haji dan umrah ditunaikan serentak
 - D tidak dikenakan dam

[Lihat halaman sebelah

- Amalan ini dilakukan selepas tengah malam 10 zulhijjah
- Berlanjutan hingga terbenam matahari pada 13 zulhijjah.
- Waktu afdhalnya pada waktu pagi 10 Zulhijjah.

7 Pernyataan di atas menerangkan amalan _____.

- A Bermalam di Muzdalifah
- B Melontar Jamratul Aqabah
- C Bermalam di Mina
- D Melontar ketiga-tiga jamrah

8 Berdasarkan pendapat Mazhab Syafie, isteri boleh menuntut fasakh sekiranya suami hilang selama

- A 6 bulan
- B 1 tahun
- C 3 bulan
- D 4 tahun

- Penerima dan pemberi hutang
- Barang yang diberi hutang
- Akad pemberian hutang

9 Pernyataan di atas adalah tentang

- A rukun hutang
- B syarat-syarat sah hutang
- C larangan dalam berhutang
- D perkara yang membatalkan hutang

10 Berikut adalah sebab yang membolehkan isteri membuat tuntutan khuluk di mahkamah **kecuali**

- A Isteri merasakan tidak sesuai lagi hidup bersama dengan suaminya.
- B Isteri bimbang berlaku nusyuz terhadap suaminya jika perkahwinan diteruskan
- C Suami mahu menceraikannya dengan talak biasa
- D Isteri telah bertemu dengan lelaki pilihan hatinya.

11 Antara yang berikut, manakah **bukan** syarat-syarat sah korban

- A binatang al-An'am
- B binatang yang cukup umur
- C harus disembelih oleh orang yang bukan Islam
- D binatang ternakan yang sihat dan tidak cacat

12 Apakah keistimewaan Hamka yang membantu beliau menyebarkan Islam kepada masyarakat?

- I Cekap Berkarya
- II Pandai berpidato
- III Anak kepada ulama' terkenal
- IV Berani menegakkan kebenaran

- A I, II dan III
- B I, II dan IV

- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

[Lihat halaman sebelah

- 13 Di antara berikut manakah **tidak benar** mengenai peranan generasi sekarang bagi mengembalikan kegemilangan Islam seperti masa lampau.
- A Menghapuskan sesiapa sahaja yang mencemarkan kesucian agama Islam
 - B Menuntut apa sahaja ilmu yang ada
 - C Menuntut hak dalam demonstrasi
 - D Menghidupkan semangat jihad

“Perut yang kenyang akan memberatkan badan, membekukan hati dan menumpulkan fikiran”

- 14 Siapakah tokoh yang mengeluarkan nasihat di atas ?
- A Imam al-Ghazali r.h.
 - B Imam al-Bukhari r.h.
 - C Imam al-Shafie r.h.
 - D Imam Malik r.h.
- 15 Kuttab yang didirikan pada zaman Khulafa al-Rasyidin khusus sebagai tempat belajar untuk golongan
- A Orang kurang upaya
 - B Golongan bangsawan
 - C Buta huruf
 - D Kanak-kanak
- 16 Di antara berikut yang manakah karya Imam Ahmad bin Hambal r.h. dalam bidang hadis?
- A Al-Musnad
 - B Al-Manasik al-Kabir
 - C Al-Manasik al-Saghir
 - D Al-Nasikh Walmansukh
- 17 Di antara berikut, yang manakah **bukan** cara untuk menyemarakkan semangat jihad dalam kalangan pelajar
- A memberi latihan kemahiran vokasional kepada muda mudi
 - B menambah ilmu pengetahuan tentang jihad
 - C sentiasa melakukan ibadat-ibadat sunat
 - D mengkaji kisah para pejuang terdahulu
- 18 Berikut adalah sumber berfikir berlandaskan syariat Islam
- | | |
|----------------|--------------------|
| I Wahyu | III Akal fikiran |
| II Mimpi indah | IV Hasil penulisan |
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan, IV
- 19 Kedamaian sesebuah negara bergantung kepada sikap rakyat terhadap pemimpinnya. Apakah kesan yang akan berlaku jika rakyat **tidak** menghormati pemimpin?
- A Ekonomi negara akan meningkat.
 - B Pembangunan negara berjalan lancar
 - C Rakyat mempunyai semangat daya saing yang tinggi.
 - D Musuh akan mengambil kesempatan melemahkan negara

[Lihat halaman sebelah

- 20 Apakah langkah yang **terbaik** untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar.
- A Memberikan kesedaran tentang nikmat alam sekitar
 B Penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas
 C Kerja membaiki pulih oleh pihak berkuasa
 D Melarang penggunaan bahan berisiko terhadap alam


Soalan 21 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai

- 21 Tidak percayakan Allah dan menolak ajaran yang dibawa oleh Rasulullah SAW adalah merujuk kepada pengertian _____.
- 22 Mengumpat ialah menceritakan _____ seseorang di masa ketiadaannya serta boleh menimbulkan kemarahan apabila dilakukan di hadapannya
- 23 Ulama berpendapat hukum taubat adalah _____ apabila melakukan dosa
- 24 Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah telah dipopularkan oleh _____ dan Abu Mansor al-Maturidi

- Tidak menerima majlis tahkim
- Membataskan sumber syariat kepada al-Quran sahaja

- 25 Pernyataan di atas merujuk kepada kumpulan _____
- 26 Jemaah haji yang tertinggal melontar jamrah Aqabah akan dikenakan dam kerana telah meninggalkan perkara _____ haji



- 27 X dalam rajah di atas ialah _____
- 28 Pengertian _____ ialah sejenis terbitan yang dikeluarkan oleh syarikat sebagai alat pemilikan

Suami menyamakan isteri atau mana-mana anggotanya dengan ibunya atau dengan mana-mana perempuan mahram baginya

- 29 Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian _____
- 30 Isteri enggan melayan suami ke tempat tidur dan keluar rumah tanpa izin suami adalah contoh _____

[Lihat halaman sebelah

SULIT

SULIT**Soalan 31 hingga Soalan 33**

Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan

sewa	jualbeli	hutang	insurans
------	----------	--------	----------

- 31 Memberikan sesuatu barang atau manfaatnya kepada seseorang, barang atau manfaat itu perlu dikembalikan dengan jumlah sama ialah pengertian _____.
- 32 Menukarkan barang dengan barang mengikut cara tertentu ialah pengertian _____.
- 33 Satu perjanjian untuk memiliki manfaat atau faedah dari sesuatu barang yang diterima dengan bayaran tertentu ialah pengertian _____.

- Beliau menghafaz al-Quran ketika berumur 11 tahun.
- Menghafaz 100,000 hadis sahih dan 200,000 hadis tidak sahih.
- Berjaya mengumpul 600,000 hadis.
- Dilahirkan pada 194H/810 M

- 34 Pernyataan di atas adalah merujuk kepada _____.

Penjual mengasingkan buah yang busuk untuk mengelakkan daripada termasuk dalam timbangan.

- 35 Adab dalam berniaga di atas merujuk kepada sifat _____.
- 36 Kita dilarang bercakap melainkan perkara-perkara yang _____ semasa menziarahi jenazah.
- 37 Sheikh Tahir Jalaluddin merupakan tokoh yang mengembangkan ilmu falak di Malaysia sehingga di gelar sebagai _____.

Soalan 38 hingga Soalan 40

Pilih jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan

adil	sah	haram	sunat
------	-----	-------	-------

- 38 Encik Hasan telah mentalakkan isterinya yang sedang hamil . Hukum perbuatan beliau ialah _____.
- 39 Orang yang mengamalkan poligami wajib berlaku _____, mampu dari segi jasmani dan kewangan.
- 40 Hukum menyembelih binatang ternakan al-an'am ketika matahari sedang naik untuk ibadat akikah ialah _____.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

Bahagian B
[60 markah]

Jawab tiga soalan

Soalan 1, Soalan 2 mesti dijawab dan pilih mana-mana **satu soalan** daripada **soalan 3 atau soalan 4**.


- 1 (a) Sihir adalah salah satu daripada perkara-perkara yang membatalkan akidah.
- (i) Nyatakan maksud sihir. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** contoh sihir yang berlaku dalam masyarakat. [2 markah]

Maksud firman Allah SWT:

“Dan sebenarnya nabi Sulaiman tidak mengamalkan sihir yang menyebabkan kekufuran itu, akan tetapi syaitan itulah yang kufur, merekalah yang mengajar manusia ilmu sihir”.

- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya perbuatan sihir ini terus berleluasa dalam masyarakat. [4 markah]
- (b) Setiap manusia tidak sunyi daripada melakukan kesalahan dan sebaik-baik orang yang bersalah ialah orang yang segera bertaubat.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan taubat. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** syarat- syarat taubat yang perlu dilakukan agar taubat tersebut diterima oleh Allah SWT. [4 markah]
- (c) Mazhab Ahli Sunnah Waljamaah adalah jalan yang mengikut jejak langkah Rasulullah SAW dan para sahabat baginda.
- (i) Nyatakan **dua** sumber pegangan Ahli Sunnah Waljamaah. [2 markah]
 - (ii) Terangkan **dua** kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah [4 markah]

2 (a)



Amalan di atas adalah satu rukun haji.

- (i) Namakan amalan rukun haji seperti dalam gambar di atas. [1 markah]
 - (ii) Bilakah amalan tersebut dilakukan dalam Ibadah Haji. [1 markah]
 - (iii) Nyatakan **dua** syarat melakukan ibadah tersebut. [4 markah]
 - (iv) Jelaskan hikmah melakukan amalan tersebut. [2 markah]
- (b) Islam telah menetapkan tanggungjawab suami dan isteri bertujuan untuk membentuk rumahtangga harmoni dan bahagia.
- (i) Nyatakan **dua** tanggungjawab isteri terhadap suami. [2 Markah]
 - (ii) Terangkan kesan pengabaian tanggungjawab suami isteri terhadap Keluarga. [2 markah]

[Lihat halaman sebelah

- (c) Talak diharuskan oleh syarak sebagai langkah penyelesaian terakhir bagi mengatasi masalah rumahtangga, walaupun diharuskan, syarak menganggap talak perkara yang dibenci oleh Allah.
- (i) Nyatakan maksud Talak. [2 Markah]
 - (ii) Jelaskan hukum dan jenis talak iaitu suami menceraikan isteri tanpa sebab atau menceraikan isteri yang solehah ketika haid. [2 Markah]
 - (iii) Terangkan **dua** hikmah talak kepada pasangan suami dan isteri [4 Markah]
- 3 (a) Kerajaan Khulafa ar-Rasyidin adalah kesinambungan daripada kerajaan Islam Madinah pimpinan nabi Muhammad SAW..
- (i) Nyatakan dasar pentadbiran Khulafa ar-Rasyidin. [2 Markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** pembaharuan dalam sistem pentadbiran yang telah dilakukan bagi mengemaskini urusan pentadbiran negara. [4 Markah]
- (b) As-Sayyid Jamaluddin al-Afghani telah membawa idea Islah iaitu perubahan terancang ke arah yang lebih baik.
- (i) Nyatakan bentuk Islah yang dibawa oleh beliau. [2 Markah]
 - (ii) Jelaskan bukti yang menunjukkan beliau seorang yang berani memperjuangkan kebenaran. [2 Markah]
- (c) Nabi Muhammad SAW adalah pemimpin agung dan sebagai Rasulullah, maka wajiblah kita beradab kepadanya.
- (i) Nyatakan **dua** adab menghormati Rasulullah SAW. [4 Markah]
 - (ii) Jelaskan hikmah beradab dengan Rasulullah SAW. [2 Markah]
 - (iii) Pada suatu hari anda terdengar rakan anda sedang mempersendakan sunnah Rasulullah SAW. Huraikan bagaimana anda dapat mengatasi situasi tersebut. [4 Markah]
- 4 (a) Untuk mewujudkan keamanan dan kesejahteraan negara kerajaan Abbasiyah telah melakukan beberapa pembaharuan dalam bidang ketenteraan.
- (i) Nyatakan pembaharuan yang dibuat oleh kerajaan Abbasiyah dalam bidang ketenteraan. [2 Markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** faktor kejayaan tentera Islam pada zaman kerajaan Abbasiyah. [4 Markah]
- (b) Imam Bukhari r.h ialah seorang yang pakar dalam hadis dan telah menghasilkan banyak kitab.
- (i) Nyatakan **dua** daripada riwayat hidup Imam Bukhari r.h [2 Markah]
 - (ii) Senaraikan **dua** karya Imam Bukhari r.h. [2 Markah]
- (c) Sedekah ialah pemberian yang dilakukan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.
- (i) Jelaskan **dua** adab memberi sedekah supaya sedekah itu diterima Allah SWT. (4 Markah)
 - (ii) Nyatakan **dua** jenis sedekah yang dianjurkan Islam. (2 Markah)
- Maksud Sabda Rasulullah SAW:
"Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah"
- (iii) Huraikan kelebihan memberi sedekah terhadap kehidupan anda pada hari ini. (4 Markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

[Lihat halaman sebelah

SULIT